

24/05/2000

Projek Pembangunan semula lapangan terbang bermula

KUALA LUMPUR, Selasa - Program pembangunan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang, bermula dengan projek pembinaan Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Subang (ITECS) yang baru, di tapak Terminal Satu.

Upacara pecah tanah projek berkenaan akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Sumber industri penerbangan memberitahu Berita Harian projek itu membabitkan pembangunan semula Terminal Satu LTSAAS untuk memenuhi keperluan pameran besar, kerana bangunan sedia ada tidak dapat menampung keperluan jangka panjang.

Pada Mac lalu, akhbar ini melaporkan bangunan Terminal Satu di LTSAAS Subang, dijangka dirobohkan dalam tempoh satu atau dua bulan lagi untuk membolehkan pembinaan kompleks pameran baru di lapangan terbang itu.

Berikutan tindakan itu, katanya, beberapa acara antarabangsa yang dijadualkan berlangsung di kompleks berkenaan terpaksa dibatal atau dipindahkan ke lokasi lain.

Antara acara yang dijadualkan berlangsung ialah pameran Pengangkutan Udara 2000 pada November ini.

Ketika ini, Terminal Dua menempatkan ibu pejabat korporat Malaysia Airports Berhad (MAB) manakala Terminal Tiga LTSAAS adalah bagi penerbangan domestik. Selepas penutupan operasi penerbangannya, MAB menjadikan Terminal Satu sebagai sebuah pusat pameran Antarabangsa.

Operasi penerbangan antarabangsa di LTSAAS dipindahkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mulai Julai 1998. Bagaimanapun, beberapa penerbangan domestik masih dikekalkan di Terminal Tiga.

(END)